



**UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN NEGERI  
JABATAN KETUA MENTERI  
ARAS 2, BANGUNAN DUN (LAMA)  
PETRAJAYA  
93502 KUCHING, SARAWAK**

**NO TEL : 082-510881  
NO FAX : 082-311374**

---

**DARIPADA** : Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak      **KEPADA** : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Semua Ketua Jabatan Negeri Semua Badan Berkanun Negeri Semua Residen Semua Setiausaha Penguasa Tempatan

**SALINAN :  
KEPADA**

**RUJUKAN** : JKM/UNION/100-1/1/5 (04)      **TARIKH** : 30 Jun 2020

---

## **PEKELILING INTEGRITI NEGERI SARAWAK BILANGAN 1 TAHUN 2020**

### **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

#### **1.0 TUJUAN**

1.1 Pekeliling Integriti ini bertujuan untuk menerangkan proses penyediaan dan pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi semua Kementerian, Pentadbiran Bahagian, Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Negeri Sarawak.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Persidangan Menentang Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC) merupakan satu-satunya instrumen memerangi rasuah di peringkat antarabangsa yang mengikat dari segi undang-undang. Malaysia telah menandatangani UNCAC pada 9 Disember 2003 semasa Hari Anti-Rasuah Antarabangsa dan mengesahkan keanggotaan pada 24 September 2008. Artikel 71 UNCAC menghendaki negara anggota untuk melaksanakan langkah antirasuah bertujuan untuk mencegah rasuah, penyelewengan, kebocoran maklumat dan pengubahan wang haram.

- 2.2 Sejalan dengan komitmen tersebut, Malaysia telah menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 4 Mac 2004. IIM merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan perundingan mengenai integriti, antirasuah dan tadbir urus di Malaysia. Pada 23 April 2004, Pelan Integriti Nasional (PIN) yang menggariskan secara terperinci rangka kerja untuk menanam dan memupuk budaya integriti dalam masyarakat demi mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika tinggi juga telah dilancarkan.
- 2.3 Pada April 2009 pula, Kerajaan Malaysia telah melancarkan Program Transformasi Kerajaan atau lebih dikenali sebagai GTP1.0 dengan meletakkan tumpuan kepada usaha memerangi rasuah sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Ia bertujuan untuk menangani isu rasuah dengan memperkuatkan sistem perolehan kerajaan seterusnya meminimumkan peluang perlakuan rasuah bagi tempoh 2010-2012. Selepas itu, GTP2.0 dilancarkan pada 2012 bagi tempoh 2013-2015 bertujuan untuk mencapai sasaran negara bagi menghapus rasuah. Ianya telah menambahbaik inisiatif yang diperkenalkan di bawah GTP1.0.
- 2.4 Pada 29 Januari 2019, Kerajaan Malaysia telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Ia merupakan dokumen utama Kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah habis-habisan demi merealisasikan sebuah negara berintegriti dan bebas rasuah. Menteri di Jabatan Ketua Menteri (Integriti dan Ombudsman) mewakili kerajaan negeri Sarawak telah menerima dokumen NACP tersebut daripada kerajaan pusat sebagai komitmen kerajaan negeri menjayakan agenda integriti. Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019 telah dikeluarkan bagi memantapkan pelaksanaan NACP.
- 2.5 Pelan ini akan menjadi rujukan utama dalam rangka menjadikan Malaysia negara yang dikenali kerana integritinya bukan korupsi. NACP mengandungi enam Bidang Keutamaan dengan 115 inisiatif yang telah dikenalpasti yang mana 22 inisiatif dikategori sebagai Keutamaan Strategi. Inisiatif 2.1.5 dan 6.2.1 mewajibkan sektor awam dan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan Pelan AntiRasuah Organisasi (OACP).

### **3.0 PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)**

- 3.1 Pelan AntiRasuah Organisasi (OACP) merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi. Dokumen ini bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, kelemahan integriti dan kelemahan antirasuah dalam organisasi.
- 3.2 Tempoh pelaksanaan OACP ialah tiga tahun atau lima tahun. Ia tidak semestinya sama dengan tempoh pelaksanaan NACP iaitu 2019-2023.
- 3.3 OACP hendaklah merangkumi aspek governans, integriti dan antirasuah serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi. Tanya mengandungi empat bab seperti berikut:

#### **3.3.1 Pengenalan**

- (a) Latar belakang organisasi;
- (b) Analisis ke atas data salah laku di organisasi;
- (c) Punca utama rasuah dan salah laku; dan
- (d) Bidang-bidang berisiko di organisasi.

#### **3.3.2 Memperkasakan Usaha Pencegahan Rasuah**

- (a) Pernyataan keperluan OACP dalam konteksual kepada kerangka organisasi;
- (b) Kerangka OACP-Organisasi; dan
- (c) Strategi dan inisiatif di bawah bidang keutamaan yang telah digariskan.

#### **3.3.3 Tadbir Urus**

- (a) Pengenalan kepada tadbir urus;
- (b) Prinsip-prinsip tadbir urus;
- (c) Mekanisme Pelaksanaan; dan
- (d) Mekanisme Penyelarasan Pemantauan dan Penilaian.

#### **3.3.4 Rumusan**

Ringkasan atau pendapat terakhir yang mengandungi informasi berdasarkan daripada bab-bab sebelum ini. Ia juga merupakan fakta / pendapat / alasan / harapan terhadap sesuatu perkara.

## **4.0 PROSES PEMBANGUNAN OACP**

### **4.1 Komitmen Pengurusan Tertinggi Organisasi**

4.1.1 Pembangunan OACP ini pertama-tamanya hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan sebagai pernyataan komitmen Pengurusan Tertinggi terhadap Pelan Antirasuah Organisasi yang bakal dibangunkan.

4.1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Negeri (JAR-SARAWAK) Bilangan 1 Tahun 2020 menegaskan, Ketua-Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab kepada aspek pembangunan dan penyelarasan OACP seperti berikut:

- (a) Menyelaras pembangunan dan pelaksanaan OACP;
- (b) Menentukan sekretariat penyelaras OACP di peringkat organisasi;
- (c) Melantik Jawatankuasa Pembangunan OACP;
- (d) Memperuntukkan sumber kewangan, tenaga dan logistik;
- (e) Memberi autoriti kepada Jawatankuasa Pembangunan OACP untuk melaksanakan keterlibatan, perbincangan, semakan kajian dan penelitian terhadap segala kelemahan; dan
- (f) Pematuhan pelan dan pemantauan terhadap pencapaian pelaksanaannya.

### **4.2 Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Organisasi (JPTO)**

4.2.1 Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Organisasi (JPTO) yang dipengerusikan oleh Ketua Jabatan / Timbalan / Pegawai yang paling kanan dalam sesebuah organisasi bertanggungjawab untuk menyelaras dan memastikan pembangunan OACP.

### **4.3 Sekretariat Penyelaras OACP Organisasi (SP-OACP)**

4.3.1 JPTO hendaklah melantik Sekretariat Penyelaras OACP (SP-OACP). Sekretariat ini berperanan untuk memastikan keberkesanan

Jawatankuasa Pembangunan OACP dan memberi khidmat nasihat mengenai pelaksanaan OACP organisasi masing-masing.

- 4.3.2 SP-OACP juga berperanan untuk memantau, menilai dan melapor pencapaian OACP kepada JPTO.

#### **4.4 Jawatankuasa Pembangunan OACP (JP-OACP)**

- 4.4.1 JPTO hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan OACP (JP-OACP). Jawatankuasa ini diurus setiakan oleh Unit Integriti (UI) dalam organisasi masing-masing.
- 4.4.2 JP-OACP terdiri daripada pegawai yang mempunyai pengalaman dalam governans, integriti dan antirasuah atau pada pertimbangan JPTO mempunyai pengalaman yang sesuai untuk menganggotai jawatankuasa tersebut. Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) / Ketua Unit Integriti (UI) boleh mempengerusikan JP-OACP.
- 4.4.3 Jawatankuasa ini berperanan membangun dan melaporkan terus perkembangan pembangunan OACP kepada JPTO sekurang-kurangnya sebulan sekali.
- 4.4.4 Sebelum bengkel pembangunan OACP diadakan, JP-OACP hendaklah menganjurkan sesi pra-bengkel bertujuan untuk mengumpul *hard data/literature review* yang berkaitan bagi proses analisis data semasa bengkel OACP. Sebagai contoh, *hard data* boleh didapati melalui informasi daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), informasi daripada seksyen disiplin jabatan, laporan audit daripada Jabatan Akauntan Negara dan unit audit dalam, aduan dan lain-lain.

#### **4.5 Bengkel Pembangunan OACP**

- 4.5.1 Terdapat lapan langkah dalam Pembangunan OACP iaitu:
- (a) Mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan;
  - (b) Analisis Data (*Soft Data/Hard Data/Literature Review*);

- (c) Menentukan konteks/status isu rasuah;
- (d) Mengenalpasti risiko rasuah;
- (e) Menentukan bidang keutamaan untuk ditangani;
- (f) Menentukan logik senario - *scenario planning*;
- (g) Mendraf strategi, pelan tindakan dan OACP;
- (h) Menentukan kaedah pemantauan dan penilaian (Kaedah M & E iaitu *Monitoring & Evaluation*)

4.5.2 Pihak Institut Integriti Malaysia (IIM) akan dijemput sebagai pemerhati sepanjang sesi bengkel bagi memastikan mutu bengkel dan OACP yang disediakan selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan.

#### **4.6 Draf OACP**

Sejurus selepas Bengkel Pembangunan OACP, draf OACP hendaklah disediakan dan dikemaskini sebelum ke p2roses pemurnian. Draf OACP tersebut hendaklah mengambil kira pandangan semua pemegang taruh yang berkaitan sebelum dikemukakan kepada JPTO.

#### **4.7 Pemurnian Draf OACP**

Draf OACP hendaklah dikemukakan kepada semua ahli JPTO dan mana-mana pihak yang ditetapkan oleh JPTO untuk pandangan dan penelitian. Semua maklum balas diambil kira dalam penyediaan draf OACP sebelum dikemukakan kepada JPTO untuk pembentangan.

#### **4.8 Pembentangan Draf OACP Kepada JPTO**

Draf OACP yang telah dikemaskini hendaklah dikemukakan dan dibentangkan dalam mesyuarat JPTO untuk pertimbangan dan kelulusan.

#### **4.9 Kelulusan Daripada JPTO**

Kelulusan daripada JPTO membolehkan draf OACP tersebut didokumenkan sebagai dokumen rasmi OACP organisasi berkenaan.

#### **4.10 Penyerahan OACP Kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak**

Dokumen rasmi OACP organisasi hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (u.p Unit Integriti dan Ombudsman Negeri) untuk tujuan rekod dan pemantauan pelaksanaannya.

#### **4.11 Hebahan dan Pemakluman OACP**

4.11.1 Dokumen OACP organisasi hendaklah diedarkan kepada warga organisasi untuk rujukan dan panduan pelaksanaan.

4.11.2 Dokumen OACP hendaklah disiarkan dan dimuatnaik dalam laman sesawang organisasi tertakluk kepada keperluan dan keputusan pihak JPTO bagi memudahkan capaian oleh semua warga dan umum.

4.11.3 Sesi penerangan hendaklah dilaksanakan di semua peringkat sama ada ibu pejabat mahupun cawangan.

#### **4.12 Pelaksanaan dan Pemantauan OACP**

##### **4.12.1 Peringkat Organisasi**

Bagi memastikan OACP dilaksanakan, JPTO hendaklah:

- (a) Memastikan UI kementerian, pentadbiran bahagian, jabatan dan badan-badan berkanun negeri memantau, menilai dan melapor pencapaian OACP;
- (b) Memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan;
- (c) Melaksanakan koordinasi dan keterlibatan bersama jabatan, bahagian, agensi, di dalam dan luar organisasi bagi memastikan pelan tindakan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;

- (d) Memastikan pematuhan sepenuhnya OACP oleh semua warga organisasi dan pihak berkaitan;
- (e) Memastikan laporan pencapaian pelaksanaan OACP dibentangkan dalam Mesyuarat JAR jabatan pada setiap suku tahun; dan
- (f) Laporan pencapaian pelaksanaan OACP hendaklah dihantar kepada Sekretariat Penyelaras OACP Negeri (Unit Integriti dan Ombudsman Negeri) untuk tujuan rekod dan pemantauan, dua minggu sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah Negeri (JAR-SARAWAK).

#### **4.12.2 Peringkat Negeri**

Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION) dilantik sebagai Sekretariat Penyelaras OACP Peringkat Negeri (SP-OACP Negeri). SP-OACP Negeri bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan komitmen OACP bagi setiap Kementerian, Pentadbiran Bahagian, Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Negeri.

#### **4.13 Penyediaan OACP**

Proses penyediaan OACP adalah seperti di **Lampiran I SPI 1/2020**

### **5.0 FASILITATOR**

- 5.1 Mana-mana pegawai yang dilantik sebagai fasilitator OACP hendaklah mendapat perakuan daripada Kerajaan Negeri dan Institut Integriti Malaysia (IIM). Pegawai tersebut juga hendaklah dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri bagi mengendalikan bengkel pembangunan OACP.
- 5.2 Perakuan ini diberikan setelah pegawai tersebut melalui proses saringan dan melepasi tahap kecekapan (latihan, pembentangan dan peperiksaan).
- 5.3 Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION) bertanggungjawab untuk menyediakan fasilitator bagi bengkel pembangunan OACP kementerian, pentadbiran bahagian, jabatan dan badan-badan berkanun negeri.



## **6.0 KOS PENYEDIAAN OACP**

6.1 Kos perjalanan dan penginapan bagi fasilitator adalah ditanggung oleh Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION), Jabatan Ketua Menteri Sarawak.

## **7.0 SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP**

7.1 Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan OACP hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali sebelum pertengahan penggal pelaksanaan. Sebagai contoh, sekiranya jangkamasa OACP adalah untuk tiga tahun (2020-2022) bermula Jan 2020, maka tarikh penilaian adalah sebelum Jun 2021 manakala sekiranya jangkamasa OACP adalah untuk lima tahun (2020-2024) bermula Jan 2020, maka tarikh penilaian adalah sebelum Jun 2022. Ini bertujuan untuk memastikan strategi dan pelan tindakan yang dirangka sesuai dan berkesan dalam menangani isu integriti, governans dan rasuah.

7.2 Walaubagaimanapun, dokumen OACP ini boleh dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

## **8.0 TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai ~~30~~ Jun 2020.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**  
**"AN HONOUR TO SERVE"**



**(DATUK AMAR JAUL SAMION)**  
**Setiausaha Kerajaan Negeri**  
**SARAWAK**

# PROSES PENYEDIAAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

